



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 11 / 2022

PROSES MENGUNDI AWAL BAGI PILIHAN RAYA UMUM (PRU) DEWAN NEGERI JOHOR KE-15 PADA 8 MAC 2022

1. Hari ini telah berlangsung proses mengundi awal bagi PRU Dewan Negeri Johor Ke-15 yang bermula pada jam 8.00 pagi. Sejumlah **87%** atau **18,625 orang pengundi** yang terdiri daripada anggota tentera dan pasangan serta anggota polis dan pasangan Polis Pasukan Gerakan Am (PGA) telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi awal.
2. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.
3. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Pihak Berkuasa Tempatan, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

Sekian.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

8 Mac 2022 / 5 Syaaban 1443H